



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG **PERATURAN 38(b)**

**Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di kementerian / jabatan di mana kekosongan jawatan diiklankan sahaja.**

**AHLI BOMBA KANAN (P.3)  
JABATAN PENERBANGAN AWAM  
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

=====

**Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon**

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di **Jabatan Penerbangan Awam**.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana- mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.



**AHLI BOMBA KANAN  
JABATAN PENERBANGAN AWAM,  
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI  
P.3 (\$750 - \$1,070 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = DUA (02)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) Lulus 2 mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Peringkat Lanjutan (*'A' Level*) atau sebanding.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Penerbangan Awam sebagai Ahli Bomba dalam tangga gaji P.2 tidak kurang dari 3 tahun.
2. Mempunyai Sijil Lanjutan Kebombaan P.2 atau sebanding.
3. Mempunyai lesen memandu Kelas 5 yang sah. Ahli Bomba yang tidak mempunyai lesen memandu Kelas 5 tetapi berkhidmat lebih 15 tahun sebagai Ahli Bomba akan juga dipertimbangkan.
4. Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

**SYARAT-SYARAT KHAS**

- a) Ahli Bomba Kanan yang dilantik ke jawatan ini adalah dikehendaki mengikuti Kursus/Latihan Ahli Bomba Kanan.
- b) Ahli Bomba Kanan yang dilantik ke jawatan ini dikehendaki mengikuti Kursus/Latihan Pegawai Rendah Bomba (*Junior Airport Fire Officer*) daripada sebuah Pusat Latihan yang diiktiraf oleh *ICAO* atau yang sebanding dengannya.



### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Melapor diri kepada Timbalan Pegawai Balai;
2. Bertanggungjawab ke atas Ahli Bomba di bawah jagaannya dan membantu Ketua Unit dalam perkhidmatan menyelamatkan dan melawan kebakaran dengan sempurna dan berkesan;
3. Menghadiri dan mengetuai sebarang panggilan kecemasan / kemalangan termasuk perkhidmatan khas;
4. Memandu dan menyelenggara kereta / jentera bomba;
5. Mengetuai tugas-tugas Penjaga Bilik Kawalan (*Control Room Officer*);
6. Mengambil alih tugas-tugas Timbalan Pegawai Balai semasa ketiadaannya; dan
7. Menjalankan apa jua tugas yang diarahkan oleh Ketua Unit dari semasa ke semasa.